

Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang

1. **Sahibus Samahah Prof Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
2. **YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
3. **YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
4. **YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
5. **YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
6. **YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
7. **YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
8. **Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





Refleksi Diri

27 Disember 2024M/ 25 Jamadilakhir 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا
اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾ سورة الحشر

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ إِلَهًا وَاحِدًا أَحَدًا صَمَدًا، لَمْ يَتَّخِذْ
صَاحِبَةً وَلَا وَلَدًا وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ وَصَفِيُّهُ وَخَلِيلُهُ، أَرْسَلَهُ رَحْمَةً
لِلْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Khatib ingin menyeru agar kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah dengan menunaikan segala perintah dan menjauhi tegahan-Nya. Iman dan takwa adalah pelita yang menyinari hati dan sanubari, memimpin ke arah kebenaran yang hakiki, memenuhi jiwa dengan kebaikan yang tidak bertepi serta memandu ke arah kesejahteraan dan keamanan di dunia dan di akhirat. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik dan mampu menjadi contoh ikutan umat yang lain.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan



perkara yang sia-sia. Alangkah ruginya kita yang sudah berada di dalam masjid ini, tetapi masih terleka dengan urusan dunia. Marilah kita bersama-sama menghayati khutbah yang akan mengangkat tajuk: **“Refleksi Diri.”**

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI OLEH ALLAH سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى,

Pernahkah sebelum kita menutup mata untuk tidur, kita sempat memikirkan dan bertanya pada diri sendiri tentang perbuatan kita sepanjang hari tersebut.

Apakah tindakan buruk yang telah aku lakukan hari ini?

Apakah pula kebaikan yang aku berjaya laksanakan hari ini?

Siapakah orang yang aku telah sakiti hari ini?

Pertanyaan sebegini adalah sebahagian daripada cara untuk kita bermuhasabah terhadap segala perkara yang kita lakukan setiap hari. Refleksi sendiri seperti ini merupakan penilaian terhadap diri sendiri sama ada sikap, pengucapan dan gerak kerja yang dilakukan adalah selari dengan ajaran yang disyariatkan atau sebaliknya.

Sekiranya terdapat kesalahan yang dilakukan sama ada secara sedar atau tidak sedar, sengaja atau tidak sengaja, kita perlulah menginsafi diri, bertaubat dan cuba melakukan perubahan ke arah yang lebih baik. Manakala, jika perbuatan tersebut memenuhi tuntutan agama dan membawa kebaikan, ia perlu diteruskan dan ditambah baik agar beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat. Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى berfirman dalam surah Al-Hasyr ayat 18 yang bermaksud:



“Wahai orang-orang yang beriman bertakwalah kepada Allah (dengan melakukan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya) dan hendaklah setiap orang memerhatikan apa-apa yang telah disediakan-Nya (daripada amalan) mereka untuk hari esok (akhirat) dan (sekali lagi diingatkan) bertakwalah kepada Allah! Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui secara mendalam apa-apa yang kamu lakukan.”

Ayat ini menerangkan tentang keperluan untuk bermuhasabah agar kita dapat memelihara diri daripada perkara yang Allah murka dan sentiasa menyedari kehadiran Allah dalam kehidupan. Keadaan ini boleh meningkatkan sifat ketakwaan dalam diri supaya memperolehi kejayaan di dunia dan di akhirat.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI OLEH ALLAH SEKALIAN,

Tahun 2024 masihi bakal melabuhkan tirainya. Begitu pantas masa berlalu. Dalam sebuah hadis Riwayat At-Tirmizi daripada Anas bin Malik رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, Nabi Muhammad صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda yang bermaksud:

“Tidak akan berlaku Kiamat sehingga waktu terasa begitu pantas, maka setahun dirasakan seperti sebulan, sebulan dirasakan seperti seminggu, seminggu dirasakan seperti sehari, sehari dirasakan seperti satu jam dan satu jam dirasakan seperti satu sambaran api”.

Sebahagian ulamak berpandangan, maksud masa berlalu dengan pantas adalah disebabkan hilang keberkatan masa. Dalam sehari dia melakukan sesuatu yang bermanfaat, kadarnya sama seperti satu jam sahaja dia melakukan perkara tersebut. Oleh yang demikian, kita perlu memastikan setiap detik masa dipenuhi dengan amalan yang boleh



mendekatkan diri kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** serta perkara yang mendatangkan faedah dan kebaikan buat diri, keluarga dan umat.

Pelbagai peristiwa yang telah berlaku sepanjang tahun 2024 ini. Adakalanya peristiwa tersebut berlaku atas ketentuan Ilahi yang manusia tidak mampu hindari seperti banjir besar yang telah melanda. Sudah tentu ujian ini mengandungi hikmah dan pengajaran untuk menguji tahap keimanan dan kesabaran insan.

Takdir Allah mengatasi segalanya. Kadangkala turut terjadi perkara yang memberi kesan kepada sensitiviti umat Islam seperti penghinaan kepada kalimah Allah, membakar Al-Quran dan lain-lain. Ia memberi isyarat bahawa masyarakat Islam masih mempunyai rasa sensitif yang tinggi jika melibatkan kesucian agama Islam. Secara tidak langsung, kesatuan umat boleh diukur apabila umat Islam seluruh dunia bangkit mempertahankannya.

Manakala, di peringkat antarbangsa pula, isu berkaitan umat Islam Palestin yang masih disiksa dan dibunuh dengan kejam oleh Rejim Zionis Israel. Penyelesaian yang tuntas diperlukan agar kekejaman ini dapat dihentikan dan rakyat Palestin boleh menikmati kehidupan aman damai serta Palestin menjadi negara yang bebas dan berdaulat.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Marilah kita sama-sama berdoa agar Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** mengurniakan rahmat, rezeki yang diberkati dan kesihatan yang baik sepanjang tahun yang akan datang. Mulakan dengan semangat yang



baharu bagi memperbaiki segala perkara dan amalan untuk memperolehi al-falah (الفلاح) atau kejayaan di dunia dan di akhirat.

Mengakhiri khutbah, khatib ingin merumuskan beberapa kesimpulan untuk dihayati bersama.

Pertama: Kita hendaklah bermuhasabah agar dapat memelihara diri daripada kemurkaan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

Kedua: Muhasabah dan refleksi diri adalah bertujuan melihat kekurangan diri dan berusaha meningkatkan kualiti peribadi untuk mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat.

Ketiga: Kita perlu menginsafi diri atas segala kesalahan dan kekhilafan yang dilakukan. Bertaubatlah dan mohon keampunan daripada Allah serta berusaha melakukan perkara kebaikan dalam usaha mencari keredhaan Ilahi.

Keempat: Setiap peristiwa yang berlaku adalah takdir daripada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** untuk menguji tahap keimanan insan.

Kelima: Masa adalah nyawa. Sejauh mana kita memanfaatkan masa, ia akan menentukan nasib kita di dunia dan di akhirat.

Allah berfirman dalam surah Al-Asr ayat 1-3:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالْعَصْرِ ۝
إِنَّ الْإِنْسَانَ لِفِي خُسْرٍ ۝
إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا
بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ۝



Maksudnya: “Demi masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang yang beriman dan malakukan amalan soleh dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran dan berpesan-pesan dengan kesabaran.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهِدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ،
أَقُولُ مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





Khutbah Kedua

2024M/1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلَائِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَأْنِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُؤَسَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ،



اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ
وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Toh Puan Dato' Seri Utama Khadijah binti Mohd Noor.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالرَّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ
عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat Pulau Pinang dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf Pulau Pinang. Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٥٢﴾

